BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 06/02/51 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau Diterbitkan sebelum jam 1730 pada hari Jumaat, 28 Jun 2002

SIARAN AKHBAR
PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
MEI 2002

Inflasi yang rendah, kadar faedah yang rendah dan stabil serta keadaan mudah tunai yang lega terus menyokong ke arah pemulihan ekonomi. Pada bulan Mei, kedua-dua pinjaman yang diluluskan dan pengeluaran pinjaman terus meningkat dengan lebih pantas, menyumbang ke arah pertumbuhan pinjaman dan kenaikan bekalan wang secara luas. Di masa hadapan, pengukuhan sistem perbankan yang berterusan, dasar monetari semasa yang akomodatif akan terus menyuntik dorongan positif monetari yang lebih besar dalam menggalakkan pertumbuhan economi.

Kadar faedah terus berada pada paras yang rendah dan stabil

Pada bulan Mei, **kadar faedah antara bank** di pasaran wang kekal rendah dan stabil, berikutan operasi mudah tunai BNM yang mengembang sebanyak RM5.8 bilion bagi mengimbangi kesan pengucupan operasi Kerajaan dan sektor luar negara.

Operasi Mudah Tunai BNM



Operasi mudah tunai BNM mengembang bagi memastikan keadaan mudah tunai yang stabil

Keadaan Mudah Tunai



Mudah tunai kekal lega

Kadar Faedah Antara Bank

(purata bulanan)



Kadar faedah antara bank kekal rendah

Kadar purata pinjaman (ALR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan secara relatifnya kekal stabil dengan masing-masing berada pada 6.56% dan 10.04% pada akhir bulan Mei (6.58% dan 10.04% pada akhir bulan April). Sementara itu, **kadar purata berian pinjaman asas (BLR)** untuk bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah pada bulan Mei.

Kadar Faedah Berian Pinjaman: Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan



ALR secara relatifnya kekal stabil, manakala BLR pula kekal tidak berubah

Pada 15 Jun, struktur terma bagi **purata kadar faedah deposit tetap** untuk tempoh matang 1-bulan hingga 12-bulan bagi kedua-dua bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah daripada paras pada akhir bulan Mei.

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Bank Perdagangan



Kadar faedah deposit tetap bagi bank perdagangan tidak berubah

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Syarikat Kewangan



...begitu juga dengan kadar faedah bagi syarikat kewangan

Kadar Faedah Benar Deposit Tetap 3-Bulan



Kadar faedah benar deposit tetap 3 bulan kekal tidak berubah

Ringgit menyusut nilai berbanding mata wang utama dan mata wang serantau pada bulan Mei

Pada bulan Mei, **ringgit menyusut nilai** berbanding mata wang utama. Ringgit menyusut nilai berbanding euro (3.7%), paun sterling (0.6%), dan yen Jepun (3.5%), selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa. Dolar AS telah dipengaruhi secara negatif oleh prestasi pasaran saham AS yang lemah, kebimbangan pasaran terhadap kadar pemulihan ekonomi AS dan defisit akaun semasa yang semakin besar, perkembangan di Timur Tengah dan perselisihan di antara India dan Pakistan. Yen Jepun meningkat nilai akibat kemasukan dana yang berkaitan dengan pasaran ekuiti ekoran daripada pasaran saham Jepun yang meningkat dan keyakinan pasaran bahawa kemelesetan ekonomi Jepun telah berakhir.



Ringgit menyusut nilai berbanding mata wang utama

Ringgit turut menyusut nilai berbanding mata wang serantau dalam lingkungan 0.9% - 5.9%. Mata wang serantau disokong oleh penjualan dolar AS oleh pengeksport tempatan serta kemasukan modal yang berkaitan dengan pasaran ekuiti berikutan peningkatan keyakinan pasaran mengenai prospek pertumbuhan ekonomi-ekonomi serantau. Peso Filipina turut disokong oleh pengiriman wang daripada pekerja di luar negara, sementara rupiah Indonesia mendapat sokongan daripada aliran masuk dana yang disebabkan oleh sentimen pasaran yang positif terhadap penjualan aset kerajaan.



Ringgit menyusut nilai berbanding mata wang serantau

Sepanjang tempoh **1 – 21 Jun**, ringgit mencatatkan prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama. Nilai ringgit menurun berbanding euro sebanyak 2.8% dan paun sterling sebanyak 2.3%, sementara secara relatifnya kekal tidak berubah berbanding yen Jepun. Dolar AS terus menyusut nilai berikutan penerbitan data jualan runcit bagi bulan Mei yang lebih lemah daripada jangkaan dan penurunan sentimen pengguna bagi bulan Jun yang lebih ketara daripada jangkaan. Dolar AS turut dipengaruhi secara negatif oleh kebimbangan pasaran mengenai defisit akaun semasa yang semakin besar pada bulan April, prestasi pasaran saham yang lemah, prospek pendapatan yang lemah dan penilaian yang agak tinggi berbanding nilai sebenar, serta kebimbangan mengenai kemungkinan serangan susulan terhadap AS berikutan pengeboman konsulat AS di Pakistan. Ringgit juga menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau dalam lingkungan 0.2% - 2.0%.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	2 September 1998	Akhir-Mei 2002	21 Jun 2002	% Perubahan			
				Mei 2002	Akhir-Mei - 21 Jun 2002	Akhir-2001 - 21 Jun 2002	2 Sep. 1998 - 21 Jun 2002
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	3.5665	3.6683	-3.7	-2.8	-8.2	-
Paun sterling	6.3708	5.5727	5.7010	-0.6	-2.3	-3.2	11.7
100 yen Jepun	2.7742	3.0801	3.0808	-3.5	0.0	-6.0	-10.0
Dolar Singapura	2.1998	2.1295	2.1405	-1.4	-0.5	-4.1	2.8
100 baht Thai	9.3713	8.9623	9.0433	-1.9	-0.9	-4.9	3.6
100 peso Filipina	8.8302	7.5773	7.5750	-0.9	0.0	-2.8	16.6
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0432	0.0441	-5.6	-2.0	-17.2	-19.7
100 won Korea	0.2827	0.3121	0.3128	-5.9	-0.2	-7.8	-9.6

Inflasi kekal stabil pada bulan Mei

Kadar inflasi tahunan, seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Penguna** (IHP, 2000=100), kekal stabil pada 1.9% pada bulan Mei (April: 1.9%). Kenaikan tahunan dalam IHP disumbangkan terutamanya oleh kenaikan harga pengangkutan dan perhubungan dan minuman dan tembakau. Pada asas bulanan, IHP meningkat sebanyak 0.1%.

Indeks Harga Pengguna



Inflasi kekal stabil pada bulan Mei

Harga pengeluar meningkat pada bulan April

Harga pengeluar, seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Pengeluar** (IHPR, 1989=100), meningkat sebanyak 1.4% pada asas tahunan pada bulan April (Mac: 0.6%). Kenaikan di dalam IHPR terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga minyak sawit mentah dan getah, sementara harga minyak mentah terus menurun pada kadar yang lebih perlahan. Tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR terlaras menyusut sebanyak 0.6%.



Harga pengeluar meningkat pada bulan April

Wang secara luas terus meningkat

Pada asas bulanan, M3 terus mengembang sebanyak RM0.7 bilion atau 0.1% pada bulan Mei. Hasilnya, kadar pertumbuhan tahunan M3 meningkat pada kadar yang lebih tinggi iaitu sebanyak 6.5% pada akhir bulan Mei.

Pada bulan ini, tuntutan ke atas sektor swasta (RM3.6 bilion) yang lebih tinggi, berikutan peningkatan yang tinggi dalam berian pinjaman, merupakan pendorong utama kepada pengembangan dalam bekalan wang. Sementara itu, operasi Kerajaan memberi kesan penguncupan ke atas bekalan wang, mencerminkan peningkatan dalam deposit dengan BNM (RM2.7 bilion), sebahagiannya disebabkan oleh pungutan cukai pendapatan petroleum yang lebih tinggi.

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Ketiga-tiga agregat monetari terus mengembang pada asas tahunan..

M3: Perubahan Bulanan



…pada asas bulanan, M3 terus meningkat…

Penentu-penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada bulan			
	2002			
	Mac	**Apr**	**Mei**	**Jan-Mei**
M3	0.9	2.4	0.7	14.7
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-5.2	4.6	-2.0	4.5
Tuntutan ke atas sektor swasta	2.3	1.6	3.6	12.2
Operasi luar bersih [1/]	1.7	-0.5	0.9	5.5
Pengaruh lain	2.2	-3.3	-1.8	-7.4

[1/] sebelum penilaian semula

… terutamanya disebabkan oleh aktiviti pinjaman bank yang tinggi

Pengeluaran bersih dalam deposit sistem perbankan manakala pinjaman terus meningkat

Pada asas bulanan, **jumlah deposit** menurun sebanyak RM1.4 bilion atau -0.3% pada bulan Mei. Penurunan ini mencerminkan terutamanya simpanan yang lebih rendah oleh perusahaan perniagaan. Pada asas tahunan, jumlah deposit yang disimpan dengan sistem perbankan terus meningkat sebanyak 3.8% pada akhir bulan Mei.

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2002		
	Mar.	**Apr.**	**Mei**
Penyimpan			
Kerajaan Persekutuan	184	643	-853
Kerajaan Negeri	175	-68	62
Badan Berkanun[1/]	863	-168	447
Institusi Kewangan	-229	-758	374
Perusahaan Perniagaan	-741	956	-2,454
Individu	1,555	1,670	954
Lain-lain	-2	64	56
Jumlah	**1,804**	**2,340**	**-1,414**

[1/] Termasuk Kerajaan Tempatan.

Penurunan dalam deposit adalah disebabkan oleh simpanan perusahaan perniagaan yang lebih rendah

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2002		
	Mar.	**Apr.**	**Mei**
Jenis			
Deposit tetap	4,023	-567	-223
Deposit instrumen boleh niaga *(NID)*	554	-518	302
Deposit permintaan	-2,302	1,222	-1,782
Deposit tabungan	46	735	77
Perjanjian beli balik *(Repo)*	643	635	1,271
Deposit mata wang asing	-1,937	-13	416
Deposit SPI	779	781	-1,531
Lain-lain	-2	64	56
Jumlah	**1,804**	**2,340**	**-1,414**

Daripada segi jenis, deposit yang lebih rendah dicerminkan dalam deposit permintaan dan SPI

Pinjaman yang diluluskan meningkat kepada RM14.4 bilion pada bulan Mei (RM9.6 bilion pada bulan April) dan terus diberikan untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang; serta sektor pembinaan serta sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Sementara itu, **pengeluaran pinjaman** turut meningkat dengan lebih kukuh kepada RM36.3 bilion (April: RM33.7 bilion) dan terus disalurkan kepada pelbagai sektor ekonomi.

Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman



Kelulusan dan pengeluaran pinjaman adalah lebih tinggi sementara pembayaran balik menyederhana

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



Pinjaman terus dikeluarkan kepada pelbagai sektor ekonomi

Pinjaman yang belum dijelaskan yang diberikan oleh sistem perbankan meningkat dengan ketara sebanyak RM4.6 bilion pada bulan Mei. Peningkatan ini adalah disebabkan terutamanya oleh pinjaman yang lebih tinggi yang disalurkan untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang. Pada asas tahunan, pinjaman yang belum dijelaskan meningkat sebanyak 4.1 % pada akhir bulan Mei.

Sistem Perbankan: Jumlah Pinjaman yang Belum Dijelaskan mengikut Sektor **(RM juta)**

	2002		
	Perubahan bulanan		Pada akhir bulan
	Apr.	Mei	Mei
Pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan	154	-44	12,165
Perlombongan dan kuari	62	-49	1,298
Perkilangan	-837	-458	68,157
Bekalan elektrik, gas dan air	49	330	5,148
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	356	176	39,351
Sektor harta benda yang luas	174	2,778	181,399
yang mana:			
Pembelian harta kediaman	*1,150*	*1,070*	*92,498*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	474	489	13,300
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	-369	85	35,294
Kredit penggunaan	1,046	1,172	74,550
yang mana:			
Pembelian kereta penumpang	*909*	*879*	*49,952*
Kad kredit	*91*	*176*	*9,306*
Pembelian sekuriti	-441	-41	30,040
Lain-lain	82	126	20,917
Jumlah Pinjaman[1/]	**752**	**4,564**	**481,619**

Pinjaman yang belum dijelaskan meningkat dengan ketara

1/ Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta (merangkumi pinjaman harta dan sewa beli yang belum dijelaskan).

Nota: Pecahan jumlah tidak semestinya sama dengan jumlah besar disebabkan oleh penghampiran angka.

Pembiayaan agregat melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS

Walaupun terdapat peningkatan dalam pinjaman yang belum dijelaskan, jumlah pembiayaan melalui **pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan dan PDS yang diterbitkan oleh sektor swasta** adalah lebih rendah pada bulan Mei, menurun sebanyak RM2.4 bilion. Walau bagaimanapun, ini mencerminkan terutamanya penebusan awal PDS yang diterbitkan oleh syarikat infrastruktur sebagai sebahagian daripada aktiviti penyusunan semula hutang mereka. Pada asas tahunan, jumlah pembiayaan meningkat sebanyak 4.6% pada akhir bulan Mei (akhir bulan April: 6.3%).

Pembiayaan melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS)

	Perubahan			Pertumbuhan tahunan	
	2002			2002	
	Apr.	Mei	Jan-Mei	Apr.	Mei
	RM bilion			%	
Pembiayaan melalui sistem perbankan	**1.0**	**2.9**	**8.6**	**5.7**	**5.1**
Pinjaman yang belum dijelaskan (1)	0.8	4.6	11.1	4.3	4.1
Pegangan sekuriti hutang swasta	0.2	-1.7	-2.5	38.4	30.9
Jumlah baki PDS * (2)	**-0.8**	**-7.0**	**-9.2**	**16.5**	**7.1**
Jumlah (1) + (2)	**...**	**-2.4**	**1.9**	**6.3**	**4.6**

* Merujuk kepada jumlah PDS yang diterbitkan oleh sektor swasta dengan tempoh matang asal lebih daripada satu tahun.
Tidak termasuk PDS yang diterbitkan oleh institusi perbankan, Khazanah, BNM, Cagamas, Danaharta dan Danamodal.
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

Penebusan Bersih di dalam Pasaran Modal

Dari segi jumlah kasar, pasaran hutang sekuriti swasta (PDS) memperoleh dana berjumlah RM7.1 bilion pada bulan Mei, terutamanya oleh sebuah syarikat dalam sektor infrastruktur. Dana yang diperoleh oleh syarikat tersebut, walau bagaimanapun digunakan untuk menebus bon syarikat berkenaan sebagai sebahagian daripada proses pengstrukturan semula hutang. Ini menyumbang kepada aggregat penebusan bersih yang lebih tinggi kepada RM4.9 bilion di dalam pasaran PDS. Sebaliknya, pasaran ekuiti memperoleh dana yang lebih rendah, sementara sektor awam pula mencatatkan penebusan bersih. Secara keseluruhannya, pasaran modal mencatatkan penebusan bersih sebanyak RM4.8 bilion pada bulan Mei.

Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal [1/]



Penebusan bersih di dalam pasaran modal

1/ Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE CI) adalah lebih rendah pada bulan Mei. Ketiadaaan penunjuk baru, kebimbangan para pelabur terhadap pemulihan ekonomi AS dan prospek perolehan korporat, serta perkembangan antarabangsa seperti ketegangan yang berlaku di Timur Tengah dan konflik India-Pakistan, menyumbang kepada prestasi yang lemah dalam bursa-bursa global dan serantau. Pada 31 Mei, KLSE CI ditutup pada 741.76 mata (-6.6% sejak akhir bulan April), dengan permodalan pasaran sebanyak RM518.41 bilion (-6.1% sejak akhir bulan April). Purata urusniga pasaran adalah lebih rendah sebanyak 245.4 juta unit (489.4 juta unit pada bulan April).

Prestasi Indeks Terpilih



KLSE CI meningkat sedikit pada bulan Jun

Sehingga kini pada bulan Jun, KLSE CI pulih sedikit dengan minat belian ke atas saham-saham mewah yang terpilih. Pada 19 Jun, KLSE CI ditutup pada 743.90 mata (0.3% sejak akhir bulan Mei), dengan permodalan pasaran sebanyak RM521 bilion (0.5% sejak akhir bulan Mei). Sementara itu, purata urusniaga pasaran adalah lebih rendah sebanyak 134.4 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih BNM berjumlah sebanyak RM123.7 bilion atau AS$32.6 bilion pada 31 Mei dan meningkat lagi kepada RM124.1 bilion atau AS$32.7 bilion pada 14 Jun. Aliran masuk perolehan eksport yang berterusan adalah lebih daripada mencukupi untuk membiayai pembayaran balik pinjaman luar negeri dan bayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan. Paras rizab pada 14 Jun adalah mencukupi untuk membiayai 5.4 bulan import tertangguh dan adalah 4.5 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Sistem perbankan tetap kukuh dan berdaya tahan

Nisbah aset berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) masing-masing menurun sebanyak 20 dan 30 mata asas pada akhir bulan Mei. Ini adalah disebabkan peningkatan sebanyak RM4.6 bilion atau 1% dalam jumlah pinjaman yang disalurkan oleh institusi perbankan pada bulan Mei, terutamanya kepada sektor pembinaan dan aktiviti berasaskan pengguna (iaitu pinjaman untuk pembelian rumah kediaman dan kenderaan bermotor). Sementara itu, nisbah pinjaman tidak berbayar bersih kekal pada tahap 8.2%. Dengan jumlah peruntukan yang mencukupi dan tahap nisbah kecukupan modal yang tinggi bagi institusi perbankan, sistem perbankan terus berdaya tahan.

Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan

	1998	1999	2000	2001		2002	
	Dis.	Dis.	Dis.	Jun	Dis.	Apr.	Mei
Modal							
Nisbah modal teras (%)	8.7	10.1	10.7	10.5	10.8	10.8	10.5
RWCR (%)	11.8	12.5	12.5	12.6	12.8	12.5	12.3
NPL bersih (klasifikasi 6-bulan)							
Sistem perbankan (%)	8.1	6.4	6.3	8.0	8.1	8.2	8.2
Sistem perbankan (RM juta)	31,675	23,849	24,700	32,292	32,775	33,576	33,993
Peruntukan am/Jumlah pinjaman (6-bulan, %)	2.0	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.8

** Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam*

Sistem Perbankan: Penunjuk Kedudukan Modal



….RWCR menurun sedikit kepada 12.3%

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



…nisbah pinjaman tidak berbayar bersih kekal stabil pada 8.2%

Tawaran tender hartanah kali ke-6 yang dikendalikan oleh Danaharta tamat pada 2 Mei. Daripada 265 hartanah yang ditawarkan untuk jualan, sejumlah 141 bida telah diterima mencakupi 53% daripada jumlah hartanah yang ditawarkan. Ini merupakan jualan tertinggi yang pernah dicapai oleh Danaharta dari segi jumlah dan nilai bagi semua tender hartanah yang telah diadakan setakat ini.

Hartanah tersebut dijual dengan jumlah RM326 juta, 12% melebihi nilai indikatifnya bernilai RM290.1 juta. Hartanah perindustrian merupakan bilangan jualan tertinggi (33 bida atau 23%) diikuti tanah pertanian (28 bida atau 20%), tanah pembangunan (27 bida atau 19%) dan hartanah komersil (26 bida atau 18%).

Dengan selesainya tender hartanah kali yang ke-6 ini, Danaharta telah menawarkan sebanyak 803 hartanah bernilai RM1.8 bilion kepada pasaran menerusi jualan utama dan jualan sekunder. Daripada jumlah ini, sebanyak 699 hartanah atau kira-kira 83%, telah dijual dengan nilai perolehan sebanyak RM1.2 bilion.

Suntikan modal oleh Danamodal ke dalam institusi perbankan kekal pada RM2.1 bilion pada akhir Mei 2002. Selain itu, CDRC telah berjaya menyelesaikan satu lagi kes penyusunan semula pinjaman pada bulan ini, mengurangkan bilangan kes yang masih belum diselesaikan oleh CDRC kepada 7 kes dengan jumlah pinjaman bernilai RM12.6 bilion.

Statistik kes-kes CDRC setakat 31 Mei 2002

	Jumlah hutang* **(RM juta)**	**Bilangan kes**
Diterima	**67,644**	**87**
Ditarik balik/ ditolak	10,606	25
Dipindahkan ke Danaharta	2,470	11
Kes yang dikendalikan	**54,568**	**51**
Selesai dirumuskan	**41,991**	**44**
Selesai dilaksanakan	*28,714*	*24*
Dalam pelaksanaan	*13,277*	*20*
Belum diselesaikan	**12,577**	**7**

** Termasuk institusi bukan bank dan luar pesisir*

Bank Negara Malaysia
28 Jun 2002

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	April 2002		Mei 2002	
	Baki	Pertumbuhan tahunan	Baki	Pertumbuhan tahunan
	(RM bilion)	(%)	(RM bilion)	(%)
Agregat Monetari				
Wang rizab	40.8	4.9	41.0	6.8
M1	82.2	13.4	80.7	11.6
M2	371.9	5.6	371.4	5.9
M3	483.6	5.9	484.3	6.5
Sistem Perbankan				
Jumlah deposit	490.5	4.1	489.1	3.8
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	477.1	4.3	481.6	4.1
Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	414.1	3.8	418.7	3.7
Nisbah pinjaman-deposit (%)	84.4		85.6	
Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan	9.6		14.4	
Pengeluaran pinjaman pada bulan berkenaan	33.7		36.3	
Keadaan Sistem Perbankan				
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	12.5		12.3	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	8.2		8.2	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)				
Rizab dalam RM (bilion)	124.4		123.7	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	32.7		32.6	
Bilangan bulan import tertangguh	5.4		5.4	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]				
Antara bank: 1-bulan	2.76 [2.77]		2.97 [2.81]	
3-bulan	3.21 [2.91]		3.23 [2.87]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.20 [3.20]		3.20 [3.20]	
3-bulan	3.21 [3.21]		3.21 [3.21]	
BLR bank perdagangan	6.39 [6.39]		6.39 [6.39]	
Harga				
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	103.2	1.9	103.3	1.9
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	127.9	1.4	-	-
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Matawang Terpilih (akhir tempoh)				
Euro	3.4346		3.5665	
Paun Sterling	5.5395		5.5727	
Dolar Singapura	2.1003		2.1295	
100 Yen Jepun	2.9710		3.0801	
100 Baht Thai	8.7892		8.9623	
100 Peso Filipina	7.5117		7.5773	
100 Rupiah Indonesia	0.0408		0.0432	
100 Won Korea	0.2938		0.3121	
Pasaran Modal				
Dana bersih yang diperolehi oleh:				
sektor awam (RM bilion)	-0.5		0.0	
sektor swasta (RM bilion)	2.4		-4.8	
Indeks Komposit BSKL (akhir-tempoh)	793.99		741.76	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	551.83		518.41	